



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	30 October 2015

Najib terima maaf Mohammad Nizar

BH
30/10/2015

» *Bekas MB Perak dibebaskan selepas buat permohonan secara terbuka*

Oleh Sophia Ahmad
sophia@bh.com.my

► Kuala Lumpur

hammad Nizar Jamaluddin yang sebelum ini didakwa di Mahkamah Sesyen Ipoh, atas tuduhan memfitnah beliau.

Dalam laman Facebooknya semalam, Perdana Menteri berkata, Islam menggalakkan umatnya bermaaf-maafan.

Perbuatan itu katanya, dijelaskan dalam Hadis Riwayat Muslim berdasarkan sabda Rasulullah SAW: "Tidaklah Allah menambah bagi seorang hamba dengan pemberian maafnya (kepada saudaranya,) kecuali kemuliaan (di dunia dan akhirat)"

Perdana Menteri berkata, Islam menuntut umatnya tidak memfitnah atau menyebarkan dusta.

Arahan itu katanya, dijelaskan menerusi firman Allah SWT dalam Surah Al Hujurat ayat 12:

"Wahai orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan daripada kesalahan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain."

Mohon maaf secara terbuka Mohammad Nizar, dibebaskan oleh Mahkamah Sesyen Ipoh,

kelmarin selepas memohon maaf secara terbuka kepada Najib.

Hakim Ikmal Hishan Mohd Tajuddin membuat keputusan itu selepas Ketua Unit Pen^akwa Negeri Perak Yusainj Amer Abdul Karim memaklumkan bahawa Perdana Menteri bersetuju kes itu dikompaun mengikut Seksyen 260 Kanun Prosedur Jenayah.

Ikmal Hishan juga memerintahkan Ahli Dewan Undangan Negeri Changkat Jering itu membaca permohonan maaf berkenaan dalam mahkamah bagi memudahkan beliau mencatatkannya dalam rekod prosiding kes berkenaan.

Mohammad Nizar kemudian memohon maaf secara terbuka dan memaklumkan beliau kini menyedari bahawa kenyataannya terhadap Najib, seperti yang disebut dalam pertuduhan, adalah tidak berasas.